

universiti.

Mereka juga berikrar akan menjalankan dengan penuh tanggungjawab, jujur dan ikhlas serta sentiasa berpegang kepada lunas-lunas undang-undang dan Perlembagaan Universiti.

Kebanyakan mereka berjanji akan memberikan perkhidmatan cemerlang ke arah kemajuan dan nama baik Universiti, sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid berkata tugas dan tanggungjawab menguruskan Dewan Penginapan Pelajar (DPP) dan hal ehwal kebajikan mahasiswa adalah satu tugas yang sangat mulia.

"Bukan semua berpeluang membuat kebajikan sebagaimana tugas seorang pengetua dan penolong-penolong pengetua. Justeru saya menyeru agar kita dapat memberikan yang terbaik kepada golongan mahasiswa UUM," katanya ketika tamat Kursus Pemantapan Pengurusan DPP pada 4 hingga 5 Januari di EDC UUM.

Pada majlis yang sama, beliau turut menyampaikan watakah perlantikan kepada pengetua dan penolong pengetua bagi lantikan semula dan baharu.

Beliau yang amat menghargai komitmen pengetua dan penolong pengetua ini turut menyeru agar golongan mahasiswa diberi pendedahan kepimpinan dan motivasi bagi menempuhi alam pekerjaan yang menuntut persaingan hebat di kalangan mahasiswa.

"Kemajuan akademik perlu seiring dengan akhlak yang mantap dan pengetua dan penolong pengetua disaran meningkatkan program yang mampu membina akhlak dan patriotisme dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Pada majlis yang sama, beliau turut menyampaikan watakah pelantikan kepada pengetua dan penolong pengetua bagi lantikan semula dan baharu.

Habis

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my